

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 APRIL 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13

Agihan subsidi bersasar kerajaan tidak terjejas

Agihan subsidi bersasar kerajaan tidak terjejas

Kuala Lumpur: Jumlah pendaftaran dan kemas kini maklumat dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang masih belum mencapai separuh penduduk berusia 18 tahun, tidak akan menjelaskan agihan subsidi bersasar.

Pensyarah Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), Profesor Emeritus Dr Barrjoyai Bardai, berkata ini kerana, berdasarkan cadangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), hanya 2.9 juta rakyat sahaja yang akan mendapat subsidi diesel dan petrol RON95.

Katanya, ia terdiri daripada masing-masing 1.1 juta rakyat yang mempunyai motosikal dan kereta dan 0.7 rakyat yang mempunyai kedua-dua kendaraan itu.

"Jadi pada pendapat saya, jumlah pendaftaran dan kemas kini maklumat dalam sistem PADU yang belum mencapai separuh penduduk berusia 18 tahun tidak akan menjelaskan agihan subsidi bersasar."

"Ini kerana, ketika ini sudah lebih 10 juta rakyat Malaysia yang mendaftar dan mengemas kini maklumat mereka dan ia sudah melebihi jumlah cadangan oleh KPDN untuk mendapat subsidi bersasar," katanya kepada BH.

Bagaimanapun, Barjoyai mencadangkan kerajaan memberikan subsidi diesel dan petrol RON95 kepada semua golongan termasuk T20.

Katanya, jika pemberian subsidi itu diaghif kepada semua golongan, ia sebenarnya masih mencukupi berikutkan jumlah subsidi yang diberikan adalah RM4.7 bilion.

RM4.7 bilion.

Data sudah mencukupi

Sementara itu, pakar ekonomi, Profesor Dr Geoffrey Williams, berkata kerajaan sudah boleh membuat ketetapan berhubung penerima subsidi bersasar dengan berpaduan data semasa PADU.

Beliau berkata, data itu sepertinya sudah mencukupi bagi kerajaan mendapatkan maklumat berhubung pendapatan nilai ambang minimum yang layak menerima subsidi bersasar.

Katanya, walaupun kadar pendaftaran semasa adalah kira-kira 30 peratus, jumlah itu sebenarnya amat baik berikut ia

meliputi hampir 50 peratus populasi dewasa dalam masa yang singkat.

"Terdapat kira-kira 30 juta rakyat Malaysia dengan 20 juta berusia lebih 18 tahun. Jadi kumpulan sasaran ialah 20 juta pendaftaran kerana data 10 juta kanak-kanak itu dimasukkan dalam akaun ibu bapa mereka.

"Jika 10 juta mendaftar sebelum tarikh akhir 31 Mac, ia mewakili separuh populasi dewasa.

"Kita boleh faham jika golongan berpendapatan tinggi tidak mendaftar kerana berasakan mereka tidak akan mendapat manfaat, jadi jika kita mengeluarkan 20 peratus teratas, maka sasarananya ialah 16 juta.

"Jadi jika tidak termasuk golongan kaya, maka peratusannya adalah 62.5 peratus. Ini adalah kadar yang sangat baik dalam tempoh tiga bulan sahaja," katanya.

Jika pemberian subsidi itu diaghif kepada semua golongan, ia sebenarnya masih mencukupi berikutkan jumlah subsidi yang diberikan adalah RM4.7 bilion.

Barjoyai Bardai,
Pensyarah Pusat Pengajian
Siswazah Perniagaan UNIRAZAK

